

RANJAU SEPANJANG JALAN. Oleh Shahnnon Ahmad. 1997. Utusan Publication SDN. BHD. Halaman: 264. ISBN; 9676107530.

Ranjau Sepanjang Jalan merupakan karya agung Shahnnon Ahmad yang mengisahkan tentang kegigihan serta sikap pesimis para pesawah terhadap kegiatan pertanian di Kampung Banggol Dedap. Novel ini menjadi salah satu karya penting dalam kesusasteraan Malaysia kerana mengetengahkan realiti kehidupan masyarakat desa yang penuh dengan cabaran dan kesengsaraan. Karya ini menyerlahkan keindahan gaya penulisan Shahnnon Ahmad yang realistik dan menyentuh hati, melalui plot cerita yang mudah untuk difahami tetapi penuh makna. Penulis memperlihatkan perjuangan dan ketabahan golongan petani dalam menghadapi kemiskinan, ketidakadilan sosial, dan penindasan, sekali gus menonjolkan semangat juang masyarakat luar bandar dalam menempuh kehidupan yang serba kekurangan.

Karya sastera ini mempunyai enam belas bab. Setiap bab mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Tema utama yang diketengahkan dalam karya ini ialah perjuangan hidup sebagai keluarga yang bergantung kehidupan kepada pekerjaan sebagai petani dan ketabahan menghadapi rintangan. Shahnnon menyoroti ketidakadilan sistem sosial dan ekonomi yang menyebabkan rakyat tertindas serta terus kekal dalam lingkaran kemiskinan. Keperitan golongan petani kecil yang menjadi mangsa kepada ketua kampung yang bersikap pentingkan diri. Ketua Kampung sangat berkira-kira dengan anak buah. Lahuma dan Jeha sekeluarga turut menjadi mangsa. Simbolik ranjau dalam cerita menggambarkan bahaya dan halangan yang sentiasa mengancam perjalanan hidup petani yang tinggal di kawasan kampung. Novel ini menyampaikan mesej bahawa keberanian, semangat juang, dan solidariti adalah penting dalam menempuh cabaran kehidupan.

Watak utama, Lahuma, digambarkan sebagai seorang yang sederhana tetapi penuh semangat perjuangan. Keluarga Lahuma dan Jeha mempunyai tujuh orang anak iaitu Sanah, Milah, Jenab, Semek, Liah, Lebar, dan Kiah. Kehidupan keluarga ini banyak menanggung kesusahan dalam kemiskinan. Namun, Lahuma begitu komited terhadap pekerjaannya yang mengusahakan sawah padi seluas empat belas relung. Akan tetapi Lahuma terlalu memegang kepada adat dan menolak kaedah pertanian moden. Dalam masa yang sama, Lahuma juga sangat akur kepada takdir Allah SWT. Keperitan keluarga Lahuma bermula apabila ketika membajak, Lahuma terpijak duri nibung. Ekoran itu, Lahuma mengalami kesakitan yang berlarutan dan berpanjangan kerana tidak mendapat rawatan yang baik. Apatah lagi kesakitan itu melarat ke seluruh tubuhnya mengakibatkan Lahuma meninggal dunia. Kematian Lahuma menambah keperitan keluarga yang besar ini. Lalu, tinggallah Jeha sebagai ibu tunggal menggalas tanggungjawab membesarkan anak-anak dengan mengusahakan sawah padi demi mencari sesuap nasi setiap hari.

Ketiadaan Lahuma menyebabkan Jeha berhadapan tekanan perasaan. Jeha kalah kepada cabaran menguruskan keluarga, menangani musuh padi seperti musim kemarau dan banjir, kehadiran burung tiak yang beribu-ribu, ketam dan ulat. Akibat penderitaan yang melampau itu, Jeha telah dilanda kurang siuman kerana terlalu tertekan. Jeha mula merayau-rayau keliling kampung sehinggalah pada suatu hari, dia ke rumah Tok Penghulu dengan berkelakuan tidak sopan. Ini menyebabkan Jeha dikurung di rumahnya di dalam sebuah kurungan sebelum dihantar ke rumah sakit jiwa di Tanjung Rambutan oleh Tok Penghulu dengan harapan agar Jeha kembali sembuh.

Tinggallah Sanah yang berusia 16 tahun menggagas tanggungjawab baharu membesarkan adik-adiknya sambil mengusahakan sawah padi yang ditinggalkan oleh Lahuma dan Jeha. Berbagai macam ujian juga dihadapi oleh Sanah dan adik-adik tetapi dia berjaya mengatasinya. Contohnya burung tiak yang menyerang sawah pada waktu malam dan Sanah berjaya menyelamatkan padinya dengan memasukkan ke dalam kurungan Jeha. Akhirnya Jeha pulang ke rumah. Sanah mengharapkan kepulangan ibunya itu dalam keadaan sihat sepenuhnya tetapi amat malang. Jeha masih belum lagi sembuh.

Shahnon Ahmad menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami. Gaya bahasa berjaya menggambarkan latar tempat dan keadaan sosial secara jelas. Penggunaan dialek tempatan memperkukuhkan lagi keaslian cerita dan memberi nilai budaya yang tinggi.

Novel ini mengkritik ketidakadilan sosial dan berfungsi sebagai medium pendidikan. Selain itu, terdapat isu lain yang turut ditonjolkan dalam karya ini ialah;

i. Mencerminkan realiti kehidupan sosial dan ekonomi.

Karya ini berjaya menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat desa yang bekerja sebagai petani berhadapan dengan kemiskinan, penindasan, dan cabaran harian. Contohnya keluarga Lahuma, Jeha dan tujuh orang anak. Sanah menganggap kehidupan dia adik beradik yang lain tetap sama ketika Lahuma masih hidup atau Jeha yang telah gila. Kadang kala Sanah terpaksa mengerah tenaga adik beradik lain untuk memotong padi pada waktu malam bagi mengelakkan termusnah dalam kejadian banjir. Ini menjadikannya sebagai cerminan realiti yang boleh difahami dan dihayati pembaca.

ii. Menggambarkan ketabahan dan semangat juang.

Kelebihan utama novel ini adalah semangat perjuangan dan ketabahan golongan petani yang tidak mudah berputus asa walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Contohnya pada watak Sanah yang berusaha mencari pelbagai cara untuk menyelamatkan padinya daripada serangan burung tiak, banjir dan kemarau. Ini dapat memberi inspirasi kepada pembaca.

iii. Kekuatan simbolisme dan penggunaan bahasa.

Penggunaan simbol ranjau yang melambangkan bahaya dan cabaran hidup dihadirkan bersama-sama bahasa yang mudah serta penuh makna. Gaya bahasa Shahnon Ahmad yang puitis dan penuh makna memberikan kekuatan tambahan kepada naratif. Contohnya, penulis menggambarkan fizikal Jeha yang berubah selepas dibawa pulang dari Hospital Bahagia;

“Jeha sudah pulang. Tetapi kepulangan itu disertai dengan tempikan dan tendangan di sana sini. Wajah Jeha yang dulu sudah tidak ada. Mukanya cekung dalam sekali hinggakan kedua-dua belah biji matanya nampak tersorok dalam rongga. Kulit mukanya berkerutu dan berlipat-lipat macam kulit belakang katak puru. Tulang pipi, tulang dagu, tengkorak di dahi nampak jelas menonjol-nonjol keluar menolak isi-isi yang sudah berkurang. Dan tulang sikunya berconggok-conggok macam tulang lembu yang baru dilapah kulitnya.”

(Ranjau Sepanjang Jalan; 259)

Perubahan fizikal seperti yang digambarkan oleh penulis dalam pernyataan di atas memberi maksud bahawa Jeha telah kurus. Ini bermakna penulis berjaya menyampaikan maksud dengan bahasa yang mudah.

iv. Memaparkan nilai-nilai masyarakat dan budaya tempatan.

Novel ini memartabatkan budaya, adat resam, dan dialek tempatan. Kehidupan bermasyarakat seperti gotong-royong, tolong-menolong dan mengambil peduli jiran tetangga dipaparkan dalam karya ini. Contohnya, anak-anak Jeha bergotong-royong menolong Jeha menanam semaian padi selepas kematian Lahuma. Lahuma juga percaya bahawa Tok Penghulu akan menolongnya membajak sawah padi yang diusahakan sebagai tanda membalas budi Jeha yang pernah membantu membersihkan tanah baharu yang diterokai. Perkara ini menunjukkan bahawa penulis bukan sahaja ingin memaparkan realiti kehidupan masyarakat tani tetapi juga berusaha mengekalkan warisan budaya bangsa, di samping memelihara identiti budaya Malaysia serta memperkaya khazanah sastra tempatan.

v. Kritikan terhadap ketidakadilan sosial.

Karya ini berfungsi sebagai alat kritikan sosial yang membangkitkan kesedaran terhadap isu penindasan dan ketidakadilan. Tuk Penghulu menggunakan jawatan dan kuasa sebagai ketua dengan bertindak menghantar Jeha ke Hospital Bahagia dengan harapan agar Jeha boleh sembuh. Namun pada akhirnya, Jeha dibawa pulang tetap tidak sembuh dari penyakit gila. Sanah bersama adik beradik yang lain tetap menerima Jeha sama ada sihat atau tidak. Pada Sanah, dia sangat berharap Jeha dibawa pulang untuk merasai beras baharu yang dituai. Selain itu, isu pergolakan dan konflik antara tradisi serta moden yang sangat relevan dengan konteks masyarakat hari ini. Ini sekaligus memberi panduan moral kepada pembaca.

Seterusnya, pada pengakhiran karya ini bersifat lebih terbuka tanpa penyelesaian jelas. Ini memberi pembaca membuat andaian pengakhiran karya. Yang jelas bahawa Jeha tetap tidak sihat dan Sanah tetap perlu memikirkan cara untuk menyelamatkan pagi daripada musnah akibat bencana alam ataupun haiwan pemusnah. Dalam masa yang sama, Sanah juga terpaksa meneruskan kehidupan dengan menggalas tanggungjawab menjadi ketua keluarga kepada adik-beradik yang lain;

“Pada Sanah malam yang penuh jeritan Jeha itu membawa sesuatu yang besar. Dia teringat kepada sawah empat belas relung yang tidak dapat dipisahkan itu. Dia teringat kepada ular tedung senduk di bekas semai. Lintah gajah. Kemarau Panjang. Banjir besar. Ketam-ketam. Burung tiak yang banyak. Batang-batang menerung. Rumput-rumput bulu landak. Onak nibung yang membunuh Lahuma. Busung di perut Lahuma. Ular di daun padi. Nanah di busung. Darah di busung. Dan kini fikirannya menokok lagi. Dan teringat kepada Jeha yang gila. Dan Jeha itu bukan orang lain tetapi emaknya sendiri. Emak Milah. Emak Jenab. Emak Semek. Emak Liah. Emak Lebar. Emak Kiah. Dan Jeha menjerit juga sepanjang malam itu.”

(Ranjau Sepanjang Jalan; 263-264)

Karya ini sesuai dibaca oleh masyarakat awam tanpa mengira lapisan kategori dan tahap umur. Bahasa yang mudah difahami. Malah penulis menyediakan Daftar Kata pada pengakhiran karya bertujuan memberi kemudahan kepada pembaca untuk merujuk perkataan yang dirasakan sukar untuk difahami dalam karya.

Kesimpulannya, Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad wajar dianggap sebagai antara karya sastra penting dalam khazanah kesusasteraan Melayu moden. Novel ini bukan sahaja merakamkan realiti kehidupan petani desa yang berdepan dengan ranjau kemiskinan, penderitaan dan penindasan sosial, malah turut menyingkap konflik antara tradisi dengan arus modeniti yang melanda masyarakat luar bandar pada era pembangunan negara. Melalui penggambaran watak Lahuma, Jeha, dan anak-anak mereka, pengarang berjaya menekankan aspek ketabahan, kesabaran, serta semangat juang dalam menempuh cabaran hidup yang getir.

Shahnon Ahmad dengan penuh keberanian menjadikan novel ini sebagai medium kritikan sosial terhadap ketidakadilan sistem yang menekan golongan bawahan. Di samping menyampaikan mesej moral bahawa kekuatan dalaman, solidariti dan keberanian adalah kunci untuk bertahan dalam kehidupan. Keupayaan penulis menggunakan bahasa yang baik namun penuh makna, diiringi simbolisme ranjau yang begitu signifikan, telah menjadikan karya ini sarat dengan nilai estetik dan falsafah yang mendalam.

Selain itu, Ranjau Sepanjang Jalan turut memperlihatkan keupayaan sastera berfungsi sebagai dokumen sosial yang mendidik pembaca tentang pentingnya kesedaran terhadap isu masyarakat, khususnya ketidakadilan ekonomi dan penindasan. Hal ini menjadikan karya ini tetap relevan untuk diteliti. Bukan sahaja dalam konteks sejarah pembangunan negara, malah dalam memahami cabaran semasa masyarakat hari ini. Justeru, novel ini layak diangkat sebagai karya rujukan yang dapat memberikan inspirasi, pengajaran moral, dan kesedaran sosial kepada generasi kini dan akan datang.

Wayu Nor Asikin Mohamad
University College Bestari

Ayu Nor Azilah Mohamad
Zahanim Ahmad
Universiti Islam Selangor